

Dr. Mahathir ketua suruhanjaya

Um- 8/2/2007

KUALA LUMPUR 7 Feb. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengetuai Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur yang ditubuhkan pada hari terakhir Persidangan Antarabangsa Dedahkan Jenayah Peperangan - Jenayahkan Perang, di sini hari ini.

Beliau disertai lima anggota lain iaitu peguam Datuk Dr. Yaacob Hussain Merican; bekas Presiden Persatuan Peguam Malaysia, Musa Ismail; Profesor Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa, Prof. Dr. Mohd. Akram Shair Mohamed dan Profesor Undang-Undang Universiti Malaya, Prof. Gurdial Singh Nijar.

Suruhanjaya itu berperanan mendengar keterangan mangsa-mangsa perang untuk dibawa ke Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur jika tuduhan perlu dibuat terhadap pelaku.

Hari ini, suruhanjaya itu menerima petisyen pertama daripada 10 mangsa perang di Iraq, Afghanistan dan Palestin pada acara anjuran Pertubuhan Keama-

nan Sejagat Perdana itu.

"Kami melihat kes-kes ini sebagai tragedi kemanusiaan dan bukannya terhadap kepada mana-mana kaum, agama atau kepercayaan.

Keperitan

"Saya berharap kami dapat mencapai sesuatu bagi mengurangkan keperitan yang telah dialami terlalu ramai penduduk di Iraq, Palestin, Afghanistan dan tempat-tempat lain," kata Dr. Mahathir selepas mendengar perakuan enam mangsa dan pakar perang.

Beliau berkata, Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush; Perdana Menteri Britain, Tony Blair dan Perdana Menteri Australia, John Howard akan menjadi pemimpin yang dituduh di tribunal kerana melakukan jenayah ke atas kemanusiaan.

Tribunal itu dianggotai sembilan pakar perundangan dengan dipengerusikan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia, Datuk Abdul Kadir Sulai-

man.

Anggota yang lain adalah peguam Tunku Datuk Dr. Sofiah Jewa; bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd. Saari Yusoff; Profesor Undang-Undang Universiti Teknologi Mara, Prof. Shad Faruqi dan peguam Mohamad Ariff Md. Yusof.

Turut menganggotai tribunal itu ialah peguam Mohd. Noor Yahya; peguam Datuk Abu Mansor Ali; pakar perundangan, Prof. Francis A. Boyle dan peguam Prof. Salleh Buang.

Tribunal itu akan mendengar hujah oleh Pasukan Perundangan Jenayah Perang Kuala Lumpur terhadap pelaku sebelum membuat keputusan.

Pasukan itu terdiri daripada peguam Matthias Chang, Megat Shaharuddin Merican, Jacqueline Chang, Elaine Zarina Zainur, Avtaran Singh, Nizam Bashir dan Jamal Ridzuwan Musa.

Dalam kes-kes tertentu, tribunal tersebut akan dikemukakan dengan pengisytiharan berkanun daripada mangsa perang itu sendiri.

